

19 OCT 2002

Mahathir-Kashmir/I

M'SIA TAK AKAN JADI ORANG TENGAH ISU KASHMIR

Oleh: Azman Ujang

ISLAMABAD, 19 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak kemungkinan Malaysia menjadi orang tengah bagi membantu menyelesaikan pertikaian mengenai Kashmir antara Pakistan dan India.

Malaysia akan berpegang kepada pendiriannya selama ini bahawa isu itu perlu diselesaikan menerusi usul Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

"Saya langsung tidak melihat diri saya sebagai orang tengah. Malaysia adalah negara kecil, kami tidak mempunyai pengaruh yang besar dan kami berpendapat kami tidak boleh menukar pemikiran orang lain," katanya pada sidang media bersama Presiden Pakistan Pervez Musharraf di sini malam tadi.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai reaksi kepada cadangan seorang wartawan Pakistan bahawa Malaysia, yang dianggapnya sebuah negara hebat, boleh menjadi orang tengah dalam konflik itu.

Sebelum Dr Mahathir menjawab soalan itu, Presiden Musharraf mencelah: "Saya telah mengingatkan Dr Mahathir bahawa beliau tidak akan terlepas daripada bercakap mengenai soal Kashmir dalam mana-mana forum di Pakistan".

"Jadi, kami tidak berhasrat menjadi orang tengah dalam soal ini, tambahan pula beberapa negara berpendapat pihak ketiga tidak harus campur tangan dalam pertikaian ini. Jadi kami tidak akan memaksa sesiapa," kata Dr Mahathir.

Beliau juga ditanya tentang kenyataannya di Kuala Lumpur baru-baru ini bahawa negara-negara Islam boleh menggunakan minyak masing-masing secara berkesan untuk melindungi kepentingan mereka.

Menurut Perdana Menteri, beliau membuat cadangan itu kerana banyak pihak berkata umat Islam kini ditindas dan negara-negara Islam sendiri tidak dapat berbuat apa-apa.

"Saya menjelaskan bahawa mereka mempunyai minyak yang boleh menjadi senjata amat berkesan jika mereka bergabung sesama sendiri kerana mereka dapat menguasai bekalan minyak kepada seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata ketika Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC) menjadi lebih agresif seperti sekarang, ia dapat menaikkan harga minyak dan berjaya mempengaruhi pendapat dunia tentang isu-isu tertentu.

"Saya tidak bermaksud supaya kita cuba menghalang dunia daripada menerima bekalan minyak tetapi sekali sekala kita boleh bersikap memilih dalam penjualan minyak dari negara-negara Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata strategi sebenarnya boleh diatur tetapi hakikatnya ialah negara-negara Islam menghasilkan kebanyakan daripada bekalan minyak dunia.

"Jika kita keluarkan sesuatu yang amat penting seperti minyak, kita seharusnya dapat mempengaruhi pendapat dunia," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau dan Presiden Musharraf bersetuju bahawa Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan mengadakan sidang kemuncak di Kuala Lumpur masing-masingnya pada Februari dan Oktober tahun depan, harus memainkan peranan lebih besar supaya suara mereka didengar dalam hal ehwal antarabangsa khususnya pada masa ini.

-- BERNAMA

AU MFJ MAI